

Mahaguru bela diri aset negara: PM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam melancarkan program Rakan Wajadiri, satu daripada 10 kegiatan Rakan Muda yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Pelancaran berlangsung di Dataran Merdeka dan disertai 3,500 ahli pertubuhan seni mempertahankan diri.

Selepas melancarkannya dengan melakukan enam pergerakan seni mempertahankan diri, Dr Mahathir kemudian menyaksikan pelbagai persembahan seni mempertahankan diri oleh 21 pertubuhan yang mengambil bahagian.

Perdana Menteri juga menyampaikan amanat kepada 21 mahaguru pertubuhan seni mempertahankan diri, berbunyi:

"Saudara adalah aset negara yang amat berharga. Sebagai pemimpin seni warisan yang mulia dan dihormati, saudara sefiasa

menjadi perhatian, contoh teladan dan ikutan.

"Seni membela diri dan sifat waja diri yang saudara terajui dan miliki adalah wadah bagi saudara mengasuh, mendidik, memimpin dan membina anak muda menjadi manusia berguna kepada agama, bangsa dan negara.

"Khidmat mulia dan pengorbanan saudara yang tulus pasti melahirkan pewaris dan anak muda serta masyarakat Malaysia yang muafakat, berbudi luhur, bijaksana, bertanggungjawab, beriman, berdisiplin dan dinamik serta membawa Malaysia maju dengan pesat di masa depan."

Sementara itu, dalam perutusannya pada buku cenderamata, Dr Mahathir menyifatkan usaha Kementerian memperkenalkan program Rakan Wajadiri, sebagai inisiatif paling sesuai dengan perkembangan semasa.

Katanya, program itu

yang membabitkan golongan muda-mudi dalam program pembangunan pasti dapat melahirkan generasi baru yang sihat, cergas dan berkualiti.

"Saya yakin program ini akan dapat juga melahirkan rakyat yang gagah dan perkasa serta cergas mentalnya. Ia sudah tentu akan membantu usaha membentuk imej ketahanan negara yang cemerlang sebagaimana dicita-citakan dalam Wawasan 2020," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman berkata, kementeriannya menganjurkan wawasan Rakan Muda sebagai cetusan utama wawasan negara untuk difahami dan dihayati generasi muda.

Ini, katanya, bertujuan membantu ke arah pembangunan masyarakat dan negara maju berasaskan kepada ilmu, etika, teknologi, usaha, azam, iltizam dan cita-cita tinggi.